

KENYATAAN AKHBAR

PENGGUNA DINASIHATKAN UNTUK MENGELOKKAN DARI MENGGUNA PRODUK KOSMETIK YANG DIKESAN MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL

Orang awam dinasihatkan untuk mengelakkan daripada membeli dan menggunakan produk kosmetik berikut:

Nama Produk	Nombor Notifikasi	Racun Berjadual Yang Dikesan	Nama Syarikat Pemegang Notifikasi
Qu Puteh Whitening Pro 9	NOT151106644K	Merkuri	Vida Beauty

Produk kosmetik di atas telah diuji dan dikesan mengandungi **merkuri** yang tidak dibenarkan di dalam produk kosmetik. Oleh itu, produk kosmetik Qu Puteh Whitening Pro 9 tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima laporan kesan advers daripada pengguna yang mengalami *tinnitus* (*ringing in the ears*) dan keguguran rambut setelah menggunakan produk **Qu Puteh Whitening Pro 9** dan **Qu Puteh Whitening UV Block (NOT151106645K)** selama lebih kurang tiga bulan. Pengguna telah pulih daripada kesan yang dialami apabila berhenti menggunakan produk-produk tersebut.

BPFK telah membuat persampelan dan menguji produk **Qu Puteh Whitening Pro 9** dan **Qu Puteh Whitening UV Block**. Hasil pengujian menunjukkan salah satu produk tersebut iaitu produk **Qu Puteh Whitening Pro 9** dikesan mengandungi **merkuri pada paras yang tinggi**.

Produk kosmetik yang dicampurpalsu dengan merkuri lazimnya dipasarkan untuk tujuan mencerahkan kulit dan rawatan anti penuaan seperti masalah jeragat, kulit tidak sekata dan kedutan. Produk kosmetik tidak boleh mengandungi merkuri kerana ia boleh memudaratkan kesihatan dan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Ia juga boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau yang belum dilahirkan.

Selain itu, kesan mudarat akibat pendedahan kepada merkuri boleh juga dialami oleh orang sekeliling apabila produk kosmetik yang mengandungi merkuri yang disapu pada kulit meruap dan dihidu. Bayi dan kanak-kanak kecil berisiko terdedah kepada merkuri apabila mereka menyentuh produk kosmetik yang mengandungi merkuri atau orang yang menggunakan produk kosmetik tersebut. Penggunaan produk yang mengandungi merkuri boleh juga menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit.

Notifikasi produk Qu Puteh Whitening Pro 9 telah dibatalkan dan pihak syarikat yang bertanggungjawab ke atas notifikasi produk berkenaan telah diarahkan untuk memberhentikan penjualan/pembekalan dengan serta merta dan memanggil balik kesemua stok fizikal produk tersebut daripada pasaran dalam tempoh 72 jam.

Sesiapa yang mempunyai stok produk di atas dinasihatkan menghentikan penjualan/pengedaran/penggunaan produk tersebut dengan serta-merta. Penjual adalah diingatkan **pemilikan** produk-produk ini melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

Pengguna digalakkan untuk melapor kepada BPFK mengenai sebarang kesan sampingan atau kesan advers yang dialami apabila mengguna sesuatu produk kosmetik di talian 03-78018496/78835532 atau melalui emel kosmetik@bpfk.gov.my serta mendapatkan rawatan perubatan dengan kadar yang segera.

Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

22 Januari 2016

PRESS RELEASE

CONSUMERS CAUTIONED AGAINST USING COSMETIC PRODUCT CONTAINING SCHEDULED POISON

The public is advised to avoid buying and using the following cosmetic product:

Product Name	Notification Number	Scheduled Poison Detected	Name of Product Notification Holder
Qu Puteh Whitening Pro 9	NOT151106644K	Mercury	Vida Beauty

The above cosmetic product has been tested and detected to contain **mercury** which is prohibited in cosmetic products. Cosmetic product Qu Puteh Whitening Pro 9 is no longer allowed to be sold in Malaysia.

The National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB), Ministry of Health Malaysia had received a report of adverse effects of tinnitus (ringing in the ears) and hair loss from a consumer following the use of cosmetic products **Qu Puteh Whitening Pro 9** and **Qu Puteh Whitening UV Block (NOT151106645K)** for about three months. The conditions resolved after stopping use.

NPCB had sampled and tested both **Qu Puteh Whitening Pro 9** and **Qu Puteh Whitening UV Block**. The results showed that one of the products namely **Qu Puteh Whitening Pro 9** was found to contain a **high level of mercury**.

Cosmetic products adulterated with mercury are usually marketed for skin lightening and anti ageing treatments such as for freckles, blemishes and wrinkles. Such products are prohibited and can cause harm to human health. Exposure to mercury can damage the kidneys and the nervous system. It may also interfere with the development of the brain in unborn and very young children.

Exposure to mercury may also affect others, especially children. Mercury can get into their bodies from inhaling the mercury vapours. Infants and children can accidentally ingest mercury when they touch the cosmetic product containing mercury or any person using these products. The use of products containing mercury may cause skin rashes, irritation and other changes to the skin.

The notification of Qu Puteh Whitening Pro 9 has been cancelled and the company responsible for placing the product in the market have been instructed to immediately stop its sale and supply and to remove all physical stocks from the market within 72 hours.

Anyone who is in possession of this product is advised to immediately stop selling/distributing/using it. Sellers are reminded that **posession** of this product is an offence under the Control Of Drugs and Cosmetics Regulations 1984. Any individual who commits an offence under these Regulations can be fined up to a maximum of RM25,000 or to imprisonment for a term not exceeding 3 years or both, and for a second or subsequent offence he shall be liable on conviction to a fine not exceeding RM50,000 or to imprisonment for a term not exceeding 5 years or to both. A company found guilty can be fined up to RM50,000 for the first offence and fined up to a maximum of RM100,000 for a subsequent offence.

Consumers are encouraged to report to the NPCB if they experience any allergic reactions or adverse effects from the use of cosmetic products at 03-78018496/78835532 or e-mail to kosmetik@bpfk.gov.my and to seek medical attention as soon as possible.

Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

22 January 2016